



Anak Orang Asli Gembira Terima Sumbangan Hari Raya

JOHOR BAHRU, 8 Jun (Bernama) -- Perasaan gembira dan teruja terpancar di wajah Esa Kapit dan Faizal Buang apabila diberi peluang untuk membeli-belah persiapan Aidilfitri di Plaza Angsana Johor Bahru anjuran bersama UDA Holding Bhd (UDA).

Kedua-dua mereka yang merupakan etnik Orang Asli Seletar adalah antara 60 anak Orang Asli terpilih dari Sekolah Kebangsaan Ladang Pendas, Gelang Patah, yang diraikan menerusi program kemasyarakatan 'Indahnya Ramadan' semalam.

Ketika ditemui selepas membeli-belah di pasar raya itu, Esa, 12, merasa sangat gembira kerana ini merupakan kali pertama dapat membeli baju raya dan turut rambang mata untuk memilih baju Melayu daripada pelbagai jenis dan pilihan warna.

Untuk berita lanjut, sila layari

<http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsgeneral.php?id=1362798>